


## **ANCAMAN EKSTREMIS SALAFI WAHABI DI MALAYSIA DARI PERSPEKTIF KESELAMATAN**

**Disediakan oleh: Lt Kol Dr Zulkarnain  
Haron – Cawangan Anti Keganasan,  
BSPP**



Malaysia adalah merupakan sebuah negara Islam contoh, aman damai dan umat Islam hidup dengan harmoni berdasarkan fahaman dan amalan *Ahli Sunnah wal Jemaah* (ASWJ). Kesejahteraan dan keharmonian ini wajar dipertahankan dan sebarang elemen dari mana-mana aliran pemikiran yang menjurus ke arah konflik, perseteruan dan permusuhan perlu dibenteryas agar keharmonian dalam masyarakat dan beragama dapat dipertahankan. Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat elemen-elemen dari aliran pemikiran yang ekstrem mula menggugat perpaduan dan keharmonian umat Islam di Malaysia.

Dewasa ini aliran serta fahaman Wahabi yang berselindung disebalik istilah Salafi telah menular dengan hebat di negara ini. Pihak Cawangan Khas E8 – *Counter Terrorism*, Bkt Aman dalam analisa

keganasan terkini telah menjelaskan bahawa pendokong-pendokong aliran *salafi wahabi* di Malaysia kini semakin lantang dan berani untuk menyebarkan fahaman golongan tersebut, malah ia dilakukan dengan secara terbuka.

Kerajaan yang lepas dan kerajaan Pakatan Harapan sekarang telah menegaskan bahawa fahaman *salafi wahabi* yang dikaitkan dengan pengasasnya iaitu Muhammad bin Abdul Wahab ini tidak sesuai diamalkan di negara ini walaupun ia tidak dikaitkan sebagai ajaran sesat. Pendirian kerajaan ini selaras dengan hasil perbincangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 1985, 1986, 1996, 1997 dan 1998 yang menyatakan bahawa aliran *salafi wahabi* ini tidak sesuai diamalkan di negara ini kerana dikhawatiri boleh membawa kepada perpecahan umat Islam serta menjadikan keharmonian dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Setakat ini penularan fahaman *salafi wahabi* adalah terkawal namun mutakhir ini pendokong-pendokong aliran wahabi ini semakin lantang dengan keterbukaan bersuara yang diamalkan oleh kerajaan pada hari ini.

### **SEJARAH FAHAMAN ATAU ALIRAN SALAFI WAHABI**

Aliran atau fahaman ini sebenarnya dikenal sebagai *Wahabiyah Hanbaliyah* di Tanah Arab tetapi apabila fahaman ini dieksport ke luar dari Tanah Arab ia dikenamakan semula dengan nama yang lebih lunak iaitu ‘*Salafi*’.



Aliran Wahabi diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab pada abad ke-18 di Semenanjung Arab. Fahaman ini bermula dengan seruan kepada umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam (memurnikan tauhid) sebenar berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Dalam konteks Malaysia, aliran *salafi wahabi* cenderung melabel sesuatu ibadat dan amalan tradisi umat Islam sebagai *bida'ah* yang sesat lagi menyesatkan. Atas sebab itulah, kebanyaakan penentang *bida'ah* di Malaysia selalunya dikaitkan dengan pendokong *salafi wahabi*. Pandangan sebegini adalah sesuatu yang ekstrem serta mengundang permusuhan dengan golongan umat Islam lain. Golongan ini bergerak di negara kita dengan menjadikan anak-anak muda sasaran mereka untuk memecahbelahkan umat Islam.

### PERSPEKTIF ANCAMAN ALIRAN SALAFI WAHABI DI MALAYSIA

Propaganda pemikiran *salafi wahabi* yang menyatakan bahawa sesuatu amalan dan budaya yang tiada di zaman Rasulullah S.A.W sebagai *bida'ah* telah menyumbang kepada kekeliruan masyarakat sehingga berlakunya perselisihan pendapat dan

menyebabkan ketegangan ukhwah di kalangan umat Islam. Golongan *salafi wahabi* sukar menerima amalan dan budaya tradisi Islam di Malaysia yang bertunjangkan fiqah Imam as-Syafie. Dewasa ini sudah ada segelintir golongan terutamanya anak-anak muda yang mula mempertikaikan amalan-amalan yang dianggap *bida'ah* yang menjadi amalan beragama di Malaysia.

Sudah menjadi kelaziman pentaksuh *salafi wahabi* yang akan memperbesarkan perkara-perkara *khilafiah* (iaitu perkara-perkara *furu'* dalam agama) yang telah menjadi amalan dan budaya tradisi umat Islam Malaysia sejak sekian lama. Golongan pendokong *salafi wahabi* cuba menyebar pandangan mereka dan cuba ‘memaksa’ orang lain menerima pandangan mereka sahaja yang benar. Sikap dan tingkah laku pendokong aliran *salafi wahabi* yang ekstrem ini menyebabkan umat Islam *mainstream* yang lain mempertahankan aliran *Ahli Sunnah wal Jamaah* (ASWJ), samada mereka menjelaskan pengertian *bida'ah* yang sebenar berdasarkan Al-Quran dan Sunnah atau melakukan serangan balas ke atas golongan *salafi wahabi* ini.

Justeru, berlaku pertembungan dua aliran yang berbeza, yang akhirnya merugikan umat Islam sehingga membawa mereka ke kancang permusuhan. Perpaduan, kedamaian dan keharmonian sesama umat Islam Malaysia kini mula terjejas dan sekiranya sekiranya pemikiran ekstrem *salafi wahabi* ini tidak disekat dan dibanteras ia akan menjurus kepada elemen-elemen radikalisme dan terorisme sepertimana yang berlaku di beberapa negara di Timur Tengah.




## BAGAIMANA SALAFI WAHABI DIKAITKAN DENGAN AKTIVITI EKSTREMISME DAN TERORISME

Persoalan yang sering menjadi perdebatan ialah bagaimana fahaman *salafi wahabi* berpotensi mendorong pengikutnya berfikiran radikal dan seterusnya menjurus mereka ke arah terorisme. Metodologi mudah yang boleh digunakan ialah ‘sikap keras dan tidak bertolak ansur fahaman *salafi wahabi* berhubung beberapa perkara dalam urusan agama, sebagai hujah untuk mendakwa fahaman itu berpotensi membentuk pemikiran ekstrem, radikal dan seterusnya terorisme.

Sikap keras, tidak bertolak ansur serta tidak meraikan perbezaan mazhab dalam Islam itu menyebabkan golongan *salafi wahabi* ini menghukumkan beberapa amalan majoriti umat Islam di seluruh dunia, khususnya di Malaysia, sebagai bida’ah, sesat dan syirik yang menjadikan seseorang itu menjadi murtad. Malah bagi pendokong *salafi wahabi*, pelaku bida’ah bukan sahaja sesat tetapi darah mereka halal untuk dibunuh. Sebagai contoh, mereka menjatuhkan hukum bida’ah terhadap amalan menyambut Maulud Nabi, sambutan Israk Mi’raj, wirid dan doa secara berjamaah, membaca doa Qunut, menziarah

kubur, bacaan yassin dan tahlil. Bagi golongan *salafi wahabi*, setiap perkara bida’ah adalah sesuatu yang sesat dan setiap yang sesat tempatnya adalah di neraka.



Begitu juga dengan amalan kenduri arwah dan tahlil yang telah menjadi praktis di Malaysia sejak sekian lama. Amalan ini juga dipandang bida’ah oleh golongan *salafi wahabi*. Malah, mereka juga memutuskan, amalan *bertawassul* dengan orang yang telah mati, adalah perbuatan syirik yang menjadikan seseorang itu murtad. Masalah timbul apabila kesemua contoh pengamalan tadi (kecuali kenduri arwah) telah difatwakan harus oleh majoriti ulama sejak dahulu hingga sekarang. Ekoran itu, ia diamalkan oleh majoriti umat Islam, khususnya di Malaysia sejak zaman berzaman.

Satu lagi isu besar berkaitan *salafi wahabi* ialah penolakan mereka terhadap mazhab majoriti umat Islam, termasuk Malaysia dalam bidang akidah, iaitu mazhab *Asya’irah* dan *Matru’diah*. Segelintir agamawan *salafi wahabi* menghukumkan mazhab *Asya’irah* dan *Matru’diah* ini

sebagai sesat. Justeru, rumusan yang boleh dibuat adalah ‘fahaman dan aliran *salafi wahabi* berpotensi membentuk pemikiran ekstrem, radikal dan seterusnya menggalakkan pengikutnya menjadi teroris kerana mereka tidak ragu-ragu mengkafirkan pengikut aliran *Asya’riah* dan *Matru’diah*’ yang majoritinya adalah umat Islam di Malaysia.

Sesuatu fahaman atau aliran yang melihat umat Islam yang lain sebagai sesat, ahli bida’ah dan kafir akan terdorong untuk bertindak ganas terhadap mereka yang dipandang sedemikian. Ia juga boleh mendorong pengikut fahaman sebegini, melakukan kekerasan dan keganasan diatas alasan atau ‘tiket’ untuk memurnikan akidah, mencegah dan menghapuskan kesesatan, kekufturan dan bid’ah yang berlaku. Sedangkan kesemua perkara tersebut hanya merupakan perkara *khilafiah* dalam agama. Senario ini telah dibuktikan dengan perlakuan pengikut-pengikut Daesh @ ISIS di Raqqa dan Mosul serta pengikut Al Jama’ah Al Islamiyah di era 90-an. Sikap keras dan tidak bertolak ansur fahaman *salafi wahabi* inilah yang dijadikan sebagai bukti untuk menunjukkan bahawa fahaman *salafi wahabi* boleh membawa kepada pemikiran ekstrem, radikal dan terorisme.

Terdapat hubungan yang kuat antara agama dan sikap fanatik atau ekstrem. Untuk memahami bagaimana seseorang individu atau kumpulan yang terlibat dengan fanatik agama itu boleh terlibat melakukan perbuatan ganas dengan menggunakan nama Tuhan, boleh difahami dari perspektif sosiologi bagaimana imaginasi agama digunakan oleh kumpulan agama, kepimpinan dan pengikut-pengikut untuk membentuk ‘*mind setting*’ mereka. Seseorang yang fanatik atau kumpulan yang

menyokong ekstremisme agama sudah pasti akan melakukan apa sahaja sekiranya mereka mendapatkan apa yang mereka lakukan itu direstui atau terdapat dalam perintah Tuhan dan agama.

Pada masa itu mereka dan kumpulan mereka merasakan bahawa mereka adalah sebagai wakil dan jalan bagi Tuhan untuk melaksanakan perintah-Nya di muka bumi ini. Segala tindakan mereka tidak mengira kesan negatif bahkan mereka meyakini akan diberi ganjaran di akhirat dan jika mereka mati, syurga dan bidadari akan menunggu mereka. Konsep menjadikan orang lain sebagai mangsa sudah tidak wujud lagi dan hanya keuntungan akhirat yang mereka kira pasti. Fenomena ini yang sedang berlaku dalam konflik di Timur Tengah dewasa ini.

#### **ANALISA - ADAKAH FAHAMAN SALAFI WAHABI SATU FAHAMAN YANG EKSTREM DAN MERBAHAYA?**

Para ulama Al Azhar dan pakar-pakar dalam kajian gerakan Islam telah menegaskan bahawa fahaman *salafi wahabi* adalah satu ajaran dan gerakan yang ekstrem dan berbahaya kepada umat Islam serta dunia. Ini adalah disebabkan fahaman *salafi wahabi* menyuburkan pemikiran, sikap dan tindak tanduk yang ganas, bengis, memupuk perasaan benci bukan sahaja terhadap *Kafir Harbi* tetapi juga sesama umat Islam dan yang paling menakutkan ialah golongan *salafi wahabi* ini tidak ragu-ragu untuk mengkafirkan orang Islam yang bertentangan pendapat dengan mereka.

Di dalam satu simposium di Mesir yang bertajuk “Wahabi: Ancaman Sangat Berbahaya Bagi Umat Islam dan Dunia”,

tokoh-tokoh yang hadir telah membuat rumusan bahawa sebagai satu bentuk dakwah dan pemikiran, *salafi wahabi* berdiri di atas prinsip menolak dan mengkafirkan pihak lain. Ia mengancam keamanan dan keselamatan semua negara disebabkan ajaran kekerasan yang sangat berbahaya kerana menggalakkan anak-anak muda untuk melakukan keganasan ke atas masyarakat awam dan pemerintah di atas alasan-alasan yang remeh temeh.

Fahaman *salafi wahabi* mempunyai pendirian yang sangat negatif terhadap orang Kristian dan Islam sendiri terutamanya golongan *Ahlus Sunnah Wal Jamaah* dan golongan Syiah, terhadap wanita dan ilmu, muzik dan segala bentuk seni dan hasil peninggalan ajaran *salafi wahabi* ini adalah pemikiran radikal atau kekerasan, menolak realiti dan membekukan keintellectualan dalam masyarakat (Jumud). Fahaman *salafi wahabi* memang sesuai dengan orang yang ego, takbur dan merasakan diri paling sunnah, suci dan paling baik. Sikap begini menjadikan mereka berfahaman radikal dan menganjurkan tindakan teroris. Tidak hairanlah jika fahaman ini mempunyai keserasian dengan golongan pengganas seperti Taliban, Boko Haram, Al-Qaeda, Daesh @ ISIS, KAS dan lain-lain.

Terdapat enam aliran bagi merumuskan tentang fahaman Salafi Wahabi ini. Aliran-aliran tersebut adalah seperti berikut:

- fahaman ini berkonsepkan literal
- anti filosofi
- anti kepada perbahasan
- anti kebudayaan
- anti Nomian (menolak untuk menerima kebenaran tradisional)

- dalaman yang tidak stabil (kerana tiada sistem periksa dan imbang)
- fahaman ini adalah bersifat agresif dan represif

**BAGAIMANA ALIRAN DAN FAHAMAN WAHABI AKAN MEMECAH BELAHKAN KESATUAN DAN KEHARMONIAN DALAM ATM DAN MASYARAKAT UMUM!**

ISU-ISU MENOLAK PRAKTIK-PRAKTIK BIDA'AH DALAM ATM SEPERTI:

- MAJLIS YASSIN DAN TAHLIL
- SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
- BACAAN AL MATHURAT SETIAP PAGI
- WIRID DAN DOA SECARA BERJAMAAH SELEPAS SOLAT
- SAMBUTAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM SEPERTI MAAL HIJRAH, ISRAK MIKRAJ, NISFU SYAABAN
- BACAAN DOA AWAL DAN AKHIR TAHUN
- SOLAT TERAWIH BERJAMAAH
- MARHBAN
- QASIDAH

Sesungguhnya fahaman ini boleh disimpulkan sangat berbeza dengan ajaran *mainstream* Islam dari konsep budaya, mentaliti dan beragama. Fahaman ini adalah sangat berbahaya yang mana jika ia dicetuskan oleh orang-orang yang tidak berautoriti akan menggalakkan kepada keganasan dan pembunuhan ke atas orang awam yang tidak berdosa. Golongan Wahabi ini terlalu sensitif terhadap perbezaan di kalangan umat Islam lalu mencetuskan permusuhan malah sesama mereka sendiri. Golongan Wahabi juga terlalu rigid terhadap golongan wanita sehingga kaum wanita dianggap sebagai pembawa masalah. Mereka juga terlalu fokus tentang hal-hal tauhid tetapi kurang memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan tauhid umat Islam secara komprehensif.

Golongan *salafi wahabi* juga meremehkan dan mengabaikan ilmu-ilmu umum seperti teknologi, pengurusan,

komunikasi, budaya serta sosiologi kerana berpendapat bahawa ilmu itu bukan ilmu syari’at. Golongan *salafi wahabi* juga sebenarnya hipokrit terutamanya dalam aspek fiqah yang melibatkan fotografi. Mereka juga memperlihatkan penampilan secara eksklusif dalam pergaulan sehari-hari seperti cara berpakaian dan lanjutan dari sikap eksklusif ini menyebabkan mereka tidak mahu belajar, bergaul atau mengakui keilmuan orang-orang yang bukan dari golongan *salafi wahabi*. Ini jelas menunjukkan sikap golongan *salafi wahabi* yang keras terhadap orang Islam sendiri berbanding dengan orang bukan Islam.

## BAGAIMANA FAHAMAN WAHABI MENJADI ANCAMAN DALAM ATM?

Seperti yang telah dibincangkan, pendokong *salafi wahabi* amat keras menentang perkara bida’ah dan menjatuhkan hukum kafir murtad kepada pelaku-pelaku bida’ah. Malah golongan *salafi wahabi* ini tidak ragu-ragu menghalalkan darah sesama umat Islam yang berlainan fahaman dari mereka.

Di dalam organisasi ATM, amalan-amalan seperti majlis bacaan yassin dan tahlil, sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul, sambutan Israk Mikraj, bacaan doa akhir dan awal tahun, bacaan Qunut, wirid dan berdoa secara berjamaah dan berzanji sudah menjadi amalan dan praktis sejak sekian lama. Praktis-praktis inilah yang telah memartabatkan agama Islam dalam ATM dan menyatukan warga ATM. Adakah amalan-amalan ini telah menyebabkan warga ATM menjadi kafir murtad selama ini?

Dewasa ini sudah ada segelintir pegawai dan anggota ATM yang mula mempersoalkan dan memulaukan amalan-amalan yang dianggap bida’ah oleh golongan *salafi wahabi* ini. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa mereka menjadi pendokong kepada fahaman *salafi wahabi*. Segelintir dari mereka ini menyatakan penentangan ini secara tertutup kerana ingin menjaga pangkat dan jawatan (kerana golongan salafi wahabi juga bersikap sama seperti golongan Syiah iaitu ‘bertaqi’ah’), namun ada segelintir pegawai dan warga ATM yang secara terbuka menentang dan memulaukan aktiviti agama yang menjadi amalan-amalan dan praktis dalam ATM ini.

Sekiranya fenomena dan senario ini tidak dibendung mulai sekarang, apakah yang akan terjadi kepada organisasi ATM ini? Adakah selepas ini kita akan menyaksikan perpecahan dalam sesebuah pasukan kerana ada pegawai dan anggota ATM yang memulaukan aktiviti-aktiviti agama yang dianjurkan oleh pasukan kerana berpendapat ia adalah praktis bida’ah. Bagaimana pula dengan arahan perlaksanaan aktiviti agama di pasukan seperti yang dinyatakan didalam PMAT. Hanya disebabkan fahaman sempit mereka terhadap agama, maka ia akan melahirkan bibit-bibit perpecahan dalam ATM.

## KESIMPULAN

Salafi Wahabi sebagai satu aliran dan pemikiran yang berdiri atas prinsip menolak pihak lain dan mengkafirkkan orang yang bukan dari golongan mereka adalah satu aliran yang jelas sangat merbahaya. Ia mengancam keamanan dan kesejahteraan di seluruh negara – negara Islam kerana ianya menyebarkan pemikiran ekstremis dan radikal.

Aliran pemikiran sebeginilah yang telah menyebabkan pemuda-pemuda Islam mengkafirkan serta melakukan keganasan terhadap pemerintah dan individu Islam yang lain hanya dengan bersandarkan alasan dan sebab yang remeh-temeh. Dunia Islam kontemporari telah menyaksikan bahawa fahaman sempit *salafi wahabi* ini menyebabkan umat Islam berbunuhan sesama sendiri kerana ingin mempertahankan fahaman sempit mereka tanpa ada perasaan tolak ansur. Fenomena dan senario ini boleh kita saksikan dari perlakuan pengikut Daesh @ ISIS, Al Jamaah Al Islamiyah, Al Qaeda, Hizbut Tahrir, Boko Haram dan Al Shabab.